

“UNTUK mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal meneraju kepimpinan di masa akan datang.”  
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2013.

“IKUTLAH wahai manusia apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin-pemimpin selainnya. Sedikit benar kamu mengambil peringatan.”  
(Surah Al A'raaf ayat 3)

# Tampil jadi teras kepimpinan bermakna

Oleh : Abu Bakar  
Haji Abdul Rahman

**TUNGKU**, Sabtu, 26 April. - Pemangku Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berkata, dalam lingkungan 15 tahun kebelakangan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah melatih kira-kira 750 orang pegawai-pegawai kanan dan pertengahan.

Menurut statistik sejumlah 370 orang telah pun diberikan latihan kepimpinan di bawah Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan sejak tahun 1996 iaitu kira-kira 17 tahun dan seramai 380 orang pegawai-pegawai pertengahan juga diberikan latihan dalam program pembangunan kepimpinan mulai tahun 2003 iaitu bagi 12 tahun.

Jelas Yang Mulia Dato Paduka, bilangan yang ada masih dalam perkhidmatan pada masa kini adalah teras kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab menyatakan perkara tersebut pada Majlis Pembukaan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Sesi Ke-20 Tahun 2014 di Lecture Theatre, Bangunan Institut Kepimpinan Inovasi dan Kemajuan (ILIA) Universiti Brunei Darussalam, di sini.

“Ada tiga isu yang penting mengenai saiz teras ini. Pertama, sama ada bilangan ini benar-benar *substantial* sebagai teras? Kedua, sama ada teras mempunyai nilai dari segi kualiti? Ketiga, sama ada program pembangunan yang kita berikan selama ini cukup strategik sebagai landasan penubuhan teras,” jelas Yang Mulia Dato Paduka.

Menurut Yang Mulia Dato Paduka, ketiga-tiga isu tersebut perlu diberikan perhatian sewajarnya dan yang pasti bilangan tersebut tidak kecil dan jika kesemua bilangan tersebut dapat dimanfaatkan setentunya ia adalah teras yang bermakna.

Tegasnya, kita perlu menghayati kenyataan bahawa ada sebilangan dari bilangan ini tidak tampil atau tidak dapat diketengahkan untuk menjadi sebahagian teras kerana mereka terpinggir oleh keadaan dan faktor-faktor tertentu di antaranya mereka tidak cukup *responsive* kepada cabaran kepimpinan selain mereka ini tidak dapat menghayati kepimpinan untuk ke hadapan sebagai pemimpin.

“Sungguhpun mereka diberikan latihan dan lulus di dalam latihan tersebut namun mereka lebih banyak antara lain dengan pendirian tunggu, main selamat, tidak analitikal, tidak terus mempertajam intelek dan tidak proaktif mencari pembaharuan serta tidak inklusif dan sebaliknya *extractive*,” ujarnya.

Ke muka 24

## Berangkat ke Pementasan Kesenian Islam MABIMS



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Pementasan Kesenian Islam MABIMS yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman, Saerah Haji Abdul Ghani, Ernie Yusdina Haji Lamit, Nur Ashikin Mohd. Isa, Siti Nurhafizah Ismail

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Pementasan Kesenian Islam MABIMS.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Sejurus keberangkatan, sembah alu-aluan disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pementasan Kesenian Islam MABIMS.

Pementasan dimulakan dengan persembahan dari Republik Indonesia yang mempersembahkan ‘Seri Qasidah dan Seri Selawat Nabi’ terdiri daripada 19 peserta diikuti dengan persembahan pementasan dari Republik Singapura yang membawakan Persembahan Puisi dengan tema Sang Pencerah disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Manaf Rahmat.

Ia kemudian disusuli dengan Persembahan Sketsa Lakonan daripada gabungan mahasiswa dan mahasiswi daripada pelbagai institusi pengajian tinggi berjudul ‘Ilmu Guna-Guna’.

Ke muka 12 & 13



Muka 3

TINJAU projek menaik taraf sekolah-sekolah kerajaan

# Jururawat profesion sangat mulia, terpuji dan berintegriti

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada malam ini iaitu Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sijil Kursus Orientasi Bagi Jururawat dan Bidan Yang Baru Berkhidmat Di Kementerian Kesihatan Bagi Tahun 2014. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengerusi Bersama dan Ahli Jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya mengukuhkan Kursus Orientasi Bagi Jururawat dan Bidan Bagi Tahun 2014. Setinggi-tinggi tahniah juga kepada 27 orang jururawat dan bidan yang telah berjaya menamatkan kursus ini yang diadakan selama sepuluh (10) hari bermula dari 8 hingga 17 April 2014.

Dalam kesempatan ini, saya sukacita ingin mengalu-alukan kesemua jururawat dan bidan yang baru berkhidmat yang telah pun menggabungkan diri sebagai warga Kementerian Kesihatan. Apa yang sangat-sangat diharapkan agar awang-awang dan dayang-dayang sekalian akan turut bersama-sama berganding bahu (berkayuh dalam satu perahu) menyumbang khidmat bakti dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi bagi kita mencapai kecemerlangan dalam semua aspek perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan yang cemerlang ini hendaklah dijadikan teras utama sebagai amalan atau budaya dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya hasil perkhidmatan yang cemerlang tersebut akan dapat memberikan impak positif kepada meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini sepertimana salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kerjaya kejururawatan merupakan profesion yang dinamik dan mencabar apatah lagi dalam melalui arus perkembangan pesat dunia perubatan dengan pertumbuhan teknologi baru yang serba canggih dan juga dalam menangani penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit yang semakin meningkat dari masa ke semasa serta kemunculan penyakit-penyakit berjangkit baru dan yang muncul semula yang boleh menjejaskan kesihatan awam. Oleh yang demikian, para jururawat dan bidan tidak dapat lari dari mengikuti perkembangan ini dan berterusan



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof semasa berucap pada Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sijil Kursus Orientasi Bagi Jururawat dan Bidan Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Kesihatan Bagi Tahun 2014 pada hari Sabtu, 19 Jamadilakhir 1435 Hijriah bersamaan 19 April 2014 Masihi, bertempat di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.**

perlu meningkatkan kecekapan, kesepaduan, proaktif, berinovasi dan menunjukkan semangat kerja berpasukan yang mantap, mempunyai disiplin tinggi dalam semua aspek amalan kejururawatan bagi menghasilkan kecemerlangan serta sentiasa penuh kesabaran dan siap siaga menghadapi pelbagai cabaran masa kini dan mendatang.

Pihak Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil serius dan berusaha gigih bagi memastikan piawai amalan kejururawatan yang profesional dan perkhidmatan yang berkualiti yang mana dalam mencapai ekspektasi tersebut panduan asas-asas utama khusus bagi para jururawat menjalankan tugas-tugas mengikut Standard Operating Procedures adalah secara berterusan diserapkan dan ditekan iaitu seperti yang terkandung dalam:

- Amalan Standard bagi Jururawat dan Bidan Berdaftar (Standards Of Practice For Registered Nurses and Midwives);
- Kod Tatasusila Profesional bagi Jururawat dan Bidan Berdaftar (Code of Professional Conduct for Registered Nurses & Midwives);
- Kod Etika bagi Jururawat dan Bidan Berdaftar (Code of Ethics for Registered Nurses & Midwives).

Buku-buku panduan tersebut telah mendukung kepada mengukuhkan perkhidmatan kejururawatan iaitu dalam memberi bimbingan kepada segenap lapisan

jururawat dan termasuk bagi awang-awang dan dayang-dayang yang baru berkhidmat untuk mengamalkan ciri-ciri murni dan terpuji seperti;

- Berakhlak mulia, bersopan santun, pemedulian dan prihatin;
- Memberikan penjagaan kesihatan yang selamat, cekap, beretika dan bertimbang rasa;
- Bertanggungjawab dan mempunyai akauntabiliti;
- Menjaga dan mempertahankan kerahsiaan pesakit;
- Mempromosi dan menghormati hasil keputusan perundingan dalam memberikan penjagaan;
- Berilmu iaitu berpengetahuan dalam berbagai aspek pendekatan (*multi skill approach*) yang tertentu dan sentiasa mengikuti perkembangan kejururawatan terkini.

Sehubungan dengan itu, awang-awang dan dayang-dayang tidak seharusnya mengambil ringan atau sambil lewa akan kepentingan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk bekerja dengan penuh dedikasi, pemedulian, titih, lutan, berdisiplin, sabar, bersopan santun, cemerlang serta mengikut Nursing Procedure Manual yang telah disediakan. Para jururawat juga perlu sentiasa berfikir dan bertindak secara proaktif, inovatif dan kreatif ke arah bersama-sama kita berusaha untuk memantapkan lagi kualiti perkhidmatan supaya lebih efisien dan lebih efektif yang sekali gus dapat menghasilkan impak yang positif lagi signifikan kepada peningkatan tahap kesihatan individu, masyarakat serta negara secara keseluruhan, di samping dalam menepati ekspektasi dan meningkatkan kepuasan hati kepada pelanggan Kementerian Kesihatan khususnya pesakit.

Kerjaya kejururawatan ini adalah salah satu profesion yang menjadi teras utama dan antara faktor penentu kejayaan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara, di samping ianya merupakan profesion yang dipandang sangat mulia, terpuji dan berintegriti. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keseluruhan para jururawat yang berterusan komited dan dedikasi memberikan khidmat bakti cemerlang, ikhlas dan sabar serta prihatin dalam memberikan pemedulian iaitu semata-mata bagi mencapai kesempurnaan kerja dan atas tanggungjawab kepada penjagaan kesihatan bukan sahaja kepada pesakit malahan bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke muka 5

Dari Sidang  
Pengarang.

28 APRIL 2014 BERSAMAAN 1435 جُمَادَى الْآخِرِ 28

## UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM MILIKI HIKMAH ISTIMEWA

**K**ETIKA ini, pelaksanaan undang-undang jenayah Islam merupakan suatu perkara yang sering diperdebatkan oleh banyak negara antarabangsa. Kebimbangan dan ketakutan kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam ini sememangnya perlu diberikan pendedahan tentang kebaikan dan keberkesanan sistem perundangan tersebut agar ia diberikan kefahaman yang tepat dan memberikan implikasi yang berkesan dan boleh difahami secara mendalam mengenaiinya.

Antara punca salah faham dan tidak mengenal erti matlamat sebenar sistem perundangan adalah salah satu sebab kenapa sistem tersebut tidak dijadikan keutamaan oleh masyarakat antarabangsa. Jika mereka memahami di sebalik kebaikan dan keberkesanan secara 'long-term' yakni jangka masa panjang maka sistem perundangan Islam ini akan dijadikan contoh yang terbaik oleh masyarakat dunia secara amnya.

Ramai orang lupa bahawa hukuman-hukuman ini adalah hanya untuk para penjenayah dan tiada kesan langsung kepada warga yang tidak bersalah dan patuh pada undang-undang ini. Oleh kerana itu kita tidak perlu bimbang dan takut jika kita tidak melakukan sebarang jenayah. Sememangnya tidak perlu digusarkan apatah lagi berpandangan negatif terhadapnya, malah kita perlu bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan hidayah dan taufik-Nya kepada raja kita yang telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syaria'ah untuk dilaksanakan di negara ini.

Pelaksanaannya tidak dapat direalisasikan tanpa azam yang kuat dan jitu. Tugas yang amat berat ini memerlukan kelikhlasan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala agar Allah Subhanahu Wata'ala menerima segala amal kita dan seterusnya menjamin kejayaan usaha murni kita semua yang bernaung di bumi Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, kita sebagai orang Islam hendaklah patuh dan taat terhadap perintah Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al A'raaf ayat 3: "Tafsirnya: "Ikutlah wahai manusia apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin-pemimpin selainnya. Sedikit benar kamu mengambil peringatan."

Salah satu keistimewaan sistem perundangan jenayah Islam ialah undang-undang ini bukan undang-undang yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Hukuman undang-undang jenayah ini sebenarnya mempunyai hikmah tersembunyi dan muslihat yang tertentu, antaranya ia dapat menyelesaikan masalah kehidupan masyarakat dengan menekankan maslahat dan menghindarkan mudarat. Hak dan maslahat mangsa terjaga. Mendidik diri pesalah dengan berkesan, membersihkan diri pesalah daripada dosa serta menyelamatkan daripada azab akhirat. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan dalam undang-undang tersebut dapat menimbulkan perasaan takut dan gerun kepada orang ramai daripada melakukan jenayah. Dapat menurunkan kadar kes jenayah dengan berkesan. Menyumbang kepada kestabilan, keharmonian dan keamanan sosiopolitik negara. Hikmah lain lagi ialah hikmah yang tersembunyi di luar daripada jangkaan atau akal manusia yang hanya diketahui oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab ayab 36:

Tafsirnya: "Dan tidak boleh sama sekali bagi seseorang lelaki dan perempuan yang beriman apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu perintah bahawa mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka. Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata".

Kita sebagai umat Islam dan rakyat di negara ini, adalah wajar menyambut baik pelaksanaan undang-undang jenayah syariah ini. Sesungguhnya pelaksanaan tersebut merupakan kejayaan besar bagi negara kita di bidang perundangan. Sama-samalah kita berdoa dengan adanya undang-undang ini, semoga raja, negara dan rakyat serta seluruh negara kita akan dirahmati dan diberkati di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal'alam. - **Ketua Penyuntingan. (Tr)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari

	ISNIN	SELASA	RAHU
BANDAR SERI BEGAWAN	32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
MUARA	33°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 26°C
PEKAN BANGAR	32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
PEKAN TUTONG	31°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
PEKAN SERIA	32°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 25°C
KUALA BELAIT	32°C / 25°C	33°C / 25°C	33°C / 26°C

Walaupun Binaswab

Sumber: Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penceritaan Awam  
Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca: 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentyy Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizah Anisawati Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Samle Haji Jait,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,  
Haji Mirazman Haji Othman

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214

# Tinjau projek menaik taraf sekolah-sekolah kerajaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan lawatan kerja ke tiga buah sekolah kerajaan untuk melihat lebih dekat projek pembinaan bangunan baru serta projek-projek menaik taraf sekolah-sekolah berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan mula-mula mengadakan lawatan ke projek pembinaan bangunan baru Sekolah Menengah Sungai Akar (SMSA) yang menelan belanja sejumlah BND21,845,458.63.

Semasa berada di sini, Yang Berhormat diberikan taklimat mengenai projek pembinaan sekolah baru tersebut daripada wakil Jabatan Perkhidmatan Teknikal (JPT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Awang Ellis Sharman bin Kahar.

Projek pembinaan berkenaan adalah selaras dengan rancangan jangka panjang dan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyediakan kemudahan sekolah baru bertujuan untuk menampung kepesatan jumlah pelajar yang kian meningkat di sekolah-sekolah sekitar kawasan tadahan tersebut, yang mempunyai dua sesi waktu persekolahan iaitu sesi pagi dan petang.

Dengan adanya bangunan baru bagi SMSA ini, Kementerian Pendidikan berharap ianya akan dapat merealisasikan satu sesi waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah

berdekatan.

Reka bentuk sekolah ini juga mengambil kira struktur bangunan sekolah yang berteraskan konsep jimat tenaga dengan memanfaatkan cahaya semula jadi di dalam bangunan dan bilik-bilik yang berkenaan, di samping menggunakan lampu jimat tenaga di bilik-bilik pembelajaran tertentu.

Di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuk bangunan blok pentadbiran dan bilik-bilik darjah, blok dewan serba guna, blok kantin, kawasan letak kereta, *grandstand*, padang dan balapan, tempat penurunan, jalan keluar-masuk, pagar keliling, pos penjaga keselamatan, infrastruktur rangkaian yang dihasratkan sebagai pendukung kaedah merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Sebelum mengakhiri lawatan ke sekolah ini, Yang Berhormat berkesudian menanam pokok bagi memperingati lawatan kerja ke sekolah berkenaan, di samping sebagai simbolik kepada usaha pihak Kementerian Pendidikan dalam menyokong inisiatif hijau di sekolah-sekolah dan menyerikan suasana dan persekitaran sekolah.

Yang Berhormat serta rombongan kemudian meneruskan lawatan ke projek-projek menaik taraf Sekolah Rendah Pusu Ulak (SRPU).

Ketibaan Yang Berhormat serta rombongan di sini dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan,

Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ali. Sebelum meninjau sesi pembelajaran dan prasarana di sekolah ini, Menteri Pendidikan serta rombongan berpeluang mendengar taklimat mengenai perkembangan projek menaik taraf bagi bangunan Fasa I sekolah tersebut yang disampaikan Awang Zul Majidi bin Haji Masri daripada Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan.

Melalui projek ini, SRPU akan mempunyai tambahan bilik darjah, bilik kerja bagi guru-guru, sebuah dewan serba guna dan beberapa blok khas yang akan menyediakan kemudahan seperti Dewan Kuliah, perpustakaan, bilik komputer, bilik sains dan bilik serba guna.

Dengan penaiktarafan dan pertambahan kemudahan di sekolah ini, Kementerian Pendidikan telah merancang bagi percantuman sekolah-sekolah rendah tertentu di Kampung Ayer bagi penyaluran pelajar-pelajar ke SRPU setelah blok bangunan baru sekolah berkenaan mula digunakan bagi mengoptimalkan manfaat kepada murid-murid yang bermastautin di Kampung Ayer.

Lawatan kerja Menteri Pendidikan berakhir di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (MSOAS) dengan dialu-alukan oleh Pengetua maktab berkenaan, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal.

Di sini Yang Berhormat juga melihat secara dekat aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran, di samping berinteraksi dengan guru-guru dan penuntut-penuntut di bilik-bilik darjah.

Semasa lawatan di maktab ini, Yang Berhormat menyaksikan penyerahan anak kunci bagi tambahan bangunan baru Fasa I bagi MSOAS daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan kepada pihak Kementerian Pendidikan dan seterusnya kepada Pengetua MSOAS yang diadakan di bangunan baru maktab berkenaan.

Terdahulu, Yang Berhormat diberikan taklimat mengenai projek



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong diberi taklimat pembinaan Bangunan Blok Baru Sekolah Rendah Pusu Ulak ketika mengadakan lawatan kerja ke sekolah berkenaan.

menaik taraf maktab ini oleh Jurutera, Jabatan Kemajuan, JKR, Dayangku Suriani binti Pengiran Haji Ibrahim dan Arkitek Opfis, Awang Masri bin Haji Taha.

Bangunan baru lima tingkat ini menyediakan kemudahan-kemudahan yang termasuk 18 buah makmal sains, 14 buah bilik darjah, empat makmal komputer, bilik pentadbiran, bilik kerja bagi guru-guru, Dewan Kuliah dan Perpustakaan.

Turut menyertai lawatan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan/Pengarah Sekolah-Sekolah, Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

## Guru-guru terima sijil Bengkel Penulisan Karangan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 April. - Seramai 43 guru-guru Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 yang mengajar di Sekolah-Sekolah Rendah Zon Brunei III Tahun 2014 telah menerima sijil Bengkel Penulisan Karangan, bertempat di Dewan Sekolah Rendah Tungku, Gadong, di sini.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta bengkel disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Aziz bin Haji Nayan.

Pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Pemimpin Sekolah Rendah Brunei III (JASPER Brunei III), Awang Dzulbaharin bin Haji Sulaiman semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan dengan adanya bengkel berkenaan diharap guru-guru memperoleh dan mampu meningkatkan pengetahuan masing-masing sepanjang bengkel dijalankan.

Bengkel yang diselenggarakan oleh badan JASPER Brunei III itu diadakan selama enam hari bermula dari 26 Mac 2014 hingga 14 April 2014.

Objektif bengkel antara lain bertujuan untuk meningkatkan kompetensi guru-guru tentang teknik mengarang, teknik pemarkahan karangan, meningkatkan kesedaran tentang kesalahan bahasa dalam penggunaan sehari-hari dan memberi pendedahan tentang penggunaan sehari-hari dan memberi pendedahan tentang penggunaan istilah dalam penulisan objektif pengajaran.



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Aziz bin Haji Nayan menyampaikan sijil Bengkel Penulisan Karangan kepada seorang guru.

# Pelan Strategik Sistem Pendidikan sentiasa diteliti

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 April. - Sistem pendidikan merupakan sesuatu yang dinamik dan Kementerian Pendidikan telah pun berusaha melaksanakan pelan strategik baru 2012-2017 yang telah dikaji semula dengan teliti dari semasa ke semasa.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan demikian semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sempena lawatan kerja ke tiga buah sekolah kerajaan pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, dalam pelan strategik yang terbaru ini ianya ditumpukan kepada tujuh inisiatif utama iaitu pertama Transformasi Pendidikan Teknikal yang merupakan satu asas pada SPN21; kedua, e-Hijrah iaitu ICT dalam pendidikan; ketiga, Numerasi dan Literasi iaitu satu perkara yang menjadi tumpuan utama di sekolah-sekolah.

Selain itu, jelas Yang Berhormat ialah Kepimpinan Sekolah, Talent Pipeline, Kualiti Guru dan Profesionalisme dan Sekolah Contoh (Model School).

Yang Berhormat berkata, melalui tujuh inisiatif besar ini akan terus dapat mengembangkan sistem pendidikan dan berharap hasilnya nanti akan mengurangkan pengangguran dan memenuhi kepuasan bagi yang menawarkan pekerjaan dari segi domestik, pencapaian yang diharapkan.

"Adapun tujuan lawatan ke sekolah-sekolah ini untuk melihat kemajuan daripada pelaksanaan rancangan infrastruktur Kementerian Pendidikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan kemudahan-kemudahan di Sekolah Rendah Pusu Ulak dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin yang dihasratkan untuk memberikan ruang dan suasana pembelajaran yang lebih baik serta bagi Sekolah Menengah Sungai Akar adalah untuk memberikan kemudahan bagi menampung kepesatan jumlah pelajar yang kian meningkat di sekolah-sekolah sekitar kawasan tadahan tersebut," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat percaya melalui penelitian dari segi infrastruktur, sekolah-sekolah ini mempunyai infrastruktur untuk memberikan suasana yang lebih kondusif kepada pembelajaran serta pengajaran dan apa yang penting ialah penyampaian untuk para guru dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disedia-



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

kan ini untuk meningkatkan kualiti pembelajaran.

Bagaimanapun Menteri Pendidikan menegaskan, kemudahan infrastruktur sahaja tidak mencukupi untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di negara ini tetapi yang perlu ialah bagaimana mengisi pembelajaran di bilik-bilik darjah.

# Kualiti perkhidmatan sentiasa ditingkatkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Membudayakan Pemedulian Pelanggan 2014.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 April. - Perkhidmatan Awam pada keseluruhannya sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan ekspektasi tinggi daripada orang ramai apatah lagi dengan bertambahnya rakyat dan penduduk yang berpengetahuan dan bermaklumat melalui media massa sama ada dalam bentuk media cetak atau media elektronik.

Ke arah itu, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meneliti dan menilai apa jua perkhidmatan yang diberikan bukan sahaja untuk dimantapkan dan diperbaiki, tetapi juga dipertingkatkan tahap keberkesannya dan kualiti perkhidmatan mengikut keperluan serta keutamaan yang diselarasakan dengan perkembangan dan peredaran masa yang menjurus kepada salah satu daripada tema strategi kementerian berkenaan dalam memastikan sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif serta

menekankan kecemerlangan perkhidmatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menegaskan demikian pada pelancaran Program Membudayakan Pemedulian Pelanggan 2014 yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat perkara itu adalah juga bagi mendukung dan selaras seperti mana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 Tahun 1435 Hijriah / 2013 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Jelas Menteri Kesihatan, baginda bertitah, "Perkhidmatan Awam adalah nadi dan

jentera kerajaan, yang berperanan antara lain untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi peranan ini, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai perlulah efisien dan berkesan. Ini bermakna, pengurusanannya perlulah mudah dan adil menepati keperluan tersebut".

"Adalah menjadi tanggungjawab Perkhidmatan Awam juga untuk mengetahui secara berterusan mana-mana perkhidmatan yang tidak menepati keperluan orang ramai hendaklah diperbaiki dengan segera".

Walau bagaimanapun terangnya, dalam menangani cabaran-cabaran yang semakin meningkat Kementerian Kesihatan sepatutnya harus peka dan sentiasa memikirkan serta melaksanakan peningkatan-peningkatan mutu pemedulian pelanggan dan membudayakannya dalam kerja seharian.

Perkara sedemikian ini juga telah pernah ditekankan dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-19 pada hari Rabu, 1 Zulhijjah 1433H bersamaan 17 Oktober 2012M.

Sungguhpun dengan tekanan permintaan awam yang sentiasa meningkat, sikap 'mesra pelanggan', tidak camah mata dan bersedia untuk berbakti adalah nilai-nilai yang sangat dituntut di dalam Perkhidmatan Awam yang bertunjangan Islam," ungkap Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu tegas Yang Berhormat, kementerian berkenaan terus meneruskan mengambil inisiatif berasaskan kepada kajian dan tema strategi Kementerian Kesihatan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai khususnya kementerian itu dengan memperkenalkan Program Membudayakan Pemedulian Pelanggan yang dilancarkan pagi ini.

Yang Berhormat berkata, program tersebut antara lain bertujuan untuk memperkukuhkan, memperkesakan, menerapkan dan membudayakan nilai-nilai murni yang menjurus kepada sikap bersopan santun, bertata susila, berakhlak mulia, berbudi bahasa, sabar dan tidak camah mata demi meningkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai termasuk warga emas dan warga kurang upaya serta berkeperluan khas.

Selain itu ujar Yang Berhormat, program tersebut juga untuk mengukuhkan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada memperkukuhkan lagi pemedulian pelanggan secara ber sistematik dan teratur dalam kalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan termasuk profesional kesihatan khususnya petugas hadapan.

Pada majlis tersebut Yang Berhormat juga telah menerangkan mengenai tema Program Membudayakan Pemedulian Pelanggan 2014 yang dipilih iaitu 'Senyum, Sopan dan Sabar (3S)' yang menurutnya dihasratkan supaya ketiga-tiga ciri yang dimaksudkan ini bukan sahaja untuk difahami dan diserapkan tetapi juga dihayati dengan sepenuhnya untuk diamalkan serta dijadikan budaya kerja apatah lagi dalam memberikan perkhidmatan dan berhadapan dengan orang ramai khususnya para pelanggan Kementerian Kesihatan.

Untuk menjayakan program ini Yang Berhormat berpendapat ia bukan sahaja sepatutnya dihayati dan dibudayakan oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam khususnya di Kementerian Kesihatan tetapi juga kepada orang ramai terutamanya pelanggan-pelanggan untuk sama-sama bekerjasama dan bertanggungjawab bagi membolehkan melaksanakan tugas dalam memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya.

Dalam pada itu Yang Berhormat juga menyeru

kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan khususnya yang menghadiri bengkel-bengkel dan ceramah-ceramah yang akan diadakan kemudian supaya memanfaatkan sepenuhnya dan mengguna pakai tips-tips atau cara-cara mempertingkatkan lagi keberkesanan dan kualiti membudayakan pemedulian pelanggan Kementerian Kesihatan.

Program Membudayakan Pemedulian Pelanggan 2014 diperkenalkan sebagai salah satu usaha berterusan kementerian tersebut ke arah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam lebih-lebih lagi dari segi komunikasi dan layanan.

Turut diadakan semasa majlis pelancaran tersebut ialah ceramah yang bertemakan Membudayakan Pemedulian Pelanggan: Senyum, Sopan dan Sabar yang disampaikan oleh dua orang penceramah undangan iaitu Pengerusi dan Penceramah, Nursing Professional Group Sdn.Bhd. Malaysia, Associate Profesor Dr. Hajah Rohani binti Haji Arshad dan Kaunselor Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Md. Ady Zaky bin Haji Matasim, dan diikuti dengan penyerahan poster-poster dan papan tanda kepada wakil-wakil hospital dan pusat-pusat kesihatan oleh Menteri Kesihatan.

Sempena pelancaran program ini beberapa aktiviti seperti bengkel bersiri dan pengagihan lencana kepada kakitangan di barisan hadapan serta poster mengenai tatacara pengendalian aduan dan maklum balas juga diadakan.

## Kempen penanaman pokok sempena Hari Bumi



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menanam pokok di sekitar Taman Rekreasi Menteri Besar sempena Hari Bumi.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Selasa, 22 April. - Hari Bumi adalah hari pengamatan tentang bumi yang dicanangkan setiap tahun pada tanggal 22 April dan diperingati secara antarabangsa tidak terkecuali negara ini.

Hari Bumi dirancang untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap planet yang ditinggali manusia ini iaitu bumi.

Di negara ini sambutan

Hari Bumi diraikan dengan mengadakan kempen penanaman pokok di sekitar Taman Rekreasi Menteri Besar, di sini.

Mengetuai projek usaha menghijaukan bumi itu ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Sejumlah 400 pohon pokok

termasuk beberapa jenis buah-buahan di taman tersebut yang antara lain disertai oleh para pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan, jabatan-jabatan kerajaan, wakil dari perwakilan asing di negara ini serta para penuntut sekolah seramai 250 pelajar yang mewakili Eco-clubs.

Taman Rekerasi Menteri Besar merupakan salah sebuah taman riadah di bawah kendalian Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang mula dibuka pada tahun 2007.

Hari Bumi tahun ini bertemakan 'Green Cities' atau Bandar-Bandar Hijau, Hari Bumi dicadangkan oleh Senator Amerika Syarikat, Gaylord Nelson pada tahun 1970 seorang pengajar lingkungan hidup, tarikh itu bertepatan pada musim semi di Northern Hemisphere (belahan Bumi Utara) dan musim gugur di belahan Bumi Selatan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri merayakan Hari Bumi pada 20 Mac sebuah tradisi yang dicanangkan oleh aktivis perdamaian John McConnell pada tahun 1969, ia adalah hari di mana matahari tepat di atas khatulistiwa yang sering disebut Ekuinoks Mac.

Kini Hari Bumi diperingati lebih dari 175 negara dan dikoordinasi secara global oleh Jaringan Hari Bumi (Earth Day Network).

## Sesi perkongsian tangani pengangguran

Oleh : Noorati Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**JERUDONG**, Selasa, 22 April. - Rangkaian BAG menganjurkan sesi perkongsian tentang kejayaan dari pelbagai negara mengenai bagaimana pasaran buruh diurus untuk mengurangkan pengangguran.

Hadir pada sesi perkongsian yang berlangsung di Conference Room, Empire Hotel and Country Club, tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sebelum ini, rangkaian BAG juga telah menganjurkan satu bengkel di Universiti Brunei Darussalam dalam meningkatkan lagi peluang pekerjaan dan pekerjaan Brunei dengan mengenalkan pasaran buruh

kepada pendidikan terbuka secara bersepadu yang disampaikan oleh Rainer Bander.

Dalam hal itu, Accenture's Global Lead bagi Industri Perkhidmatan Sumber Manusia, Jan-Erik Hunn juga pagi tadi mengongsikan pendekatan yang berbeza diambil dengan negara-negara luar yang berjaya untuk memastikan pasaran buruh berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian BAG, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib berharap perkongsian penyelesaian dengan negara-negara lain itu akan membantu memudahkan apa yang diperlukan di Brunei.

Dengan pasaran buruh bersepadu tersebut ditambah, diharap akan

dapat bertindak sebagai pemangkin utama untuk bakat bagi memandu strategi kepelbagaian dan memberi kesan positif kepada pertumbuhan sosioekonomi negara di masa hadapan bagi mencapai Wawasan 2035.

Rangkaian BAG Sendirian Berhad ditubuhkan pada 18 Julai 2008 yang merupakan syarikat teknologi info-komunikasi utama di rantau ini. BAG menyediakan penyelesaian yang paling lengkap, inovatif dan kos efektif yang memenuhi keperluan dan objektif yang mencabar persekitaran perniagaan.

Turut hadir diperkongsikan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa hadir pada sesi perkongsian yang berlangsung di Conference Room, Empire Hotel and Country Club.

# Pakaian, barang kemas warisan Filipina dipamerkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pameran 'Pautan Warisan'.

kepentingan tradisi dan menjadikan  
ciptaan tersebut lebih responsif dan  
sesuai dengan keadaan semasa.  
TYT menjelaskan pameran ini

merupakan salah satu aktiviti untuk meraikan ulang tahun ke-30 penubuhan hubungan diplomatik antara Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam serta memperingati ulang tahun ke-116 Perisytiharan Kemerdekaan Filipina pada 12 Jun 2014.

"Pautan Warisan' akan menjadi satu pameran interaktif fabrik Filipina yang ditonen kepada fabrik pakaian bergaya Filipina yang menonjolkan pengaruh dari Asia Tenggara dan perhiasan Kerawang Filipina dengan Afrika Timur Tengah dan pengaruh reka bentuk Hispanik," jelas TYT.

Pameran ini, tambah TYT menampilkan ciptaan dari dua pereka Filipina iaitu Cik Cora de Jesus Manimbo dan Encik Oscar A. Atendido. Cik Cora Manimbo merupakan seorang pereka fesyen terkenal pakaian Filipiniana melalui lukisan tangan bagi lelaki dan wanita.

Manakala Mr. Oscar Atendido, menurut TYT, adalah seorang pereka barang kemas yang khusus dalam reka bentuk barang kemas yang diilhamkan oleh zaman penjajahan Sepanyol.

Beliau kini merupakan seorang perunding reka bentuk dengan Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina.

Kedua-dua pereka tersebut, jelas TYT telah mempamerkan koleksi pameran mereka di Asia, Amerika Syarikat dan Eropah di mana Pameran Fesyen Terbaru mereka adalah di Berlin pada 20 Oktober 2013.

Pameran di Brunei tahun ini, tambah TYT, adalah paling unik dengan pendedahan barangan baru dalam koleksi mereka yang mencerminkan kecantikan klasik dan keanggunan masa lalu dan kecanggihan masa kini.

"Pameran fesyen dan barang kemas dilengkapi dengan video yang menunjukkan potensi bahan asli dan kain serta tukang dari Filipina dalam mewujudkan karya-karya seni yang boleh dipakai serta persembahan audio visual dan ceramah perhiasan kepingan Kerawang," tambahnya.

Turut hadir isteri-isteri ketua-ketua perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan Republik Filipina di negara ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 April. - Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam petang tadi mengadakan pameran 'Pautan Warisan' (Heritage Links) bermula hari ini hingga 25 April, bertempat di ruang legar Kedutaan Republik Filipina, di sini.

Hadir merasmikan pameran tersebut Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Terdahulu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nestor Z. Ochoa dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan 'Pautan Warisan: Satu Fesyen dan Pameran Barang Kemas' mempamerkan kreativiti Filipina dan reka bentuk melalui pakaian Filipiniana dan barang kemas Kerawang.

Menurut TYT, 'Pautan Warisan' berfungsi sebagai jendela yang menyingsingkan masa lalu dan masa kini Filipina yang dicantumkan melalui pakaian dan barang kemas.

Fabrik tenunan tangan dan perhiasan tangan, jelasnya, membentuk sebahagian besar dari seni sejarah Filipina di mana melalui pameran seperti ini akan dapat memulihara

# CCEMS prihatin terhadap penderitaan ibu daif

Oleh : Noraisah Muhammed

SERIA, Isnin, 21 April. - Berat mata memandang berat lagi bahu memikul, begitulah derita yang ditanggung ibu daif Dayang Siti Marinah binti Abdullah @ Lee Fong Len bersama empat daripada lima orang anaknya telah didapati tinggal dalam keadaan yang sangat daif.

Beliau dan anak-anaknya tinggal di rumah yang langsung tidak terurus kepunyaan bapanya di kawasan Kampung Jabang, Seria.

Memandangkan keadaan anak-anak beliau semakin membesar dan meningkat remaja adalah sangat memerlukan persekitaran tempat tinggal yang bersih dan selamat namun malangnya rumah yang menjadi tempat tinggal mereka sekarang begitu daif dan amat teruk, sedangkan beliau dan anak-anak perlu tempat tinggal yang selesa agar dapat belajar dengan tenang.

Pengarah Canang Citra Event Management Services (CCEMS),

Awang Haji Zaini bin Haji Munir telah dihubungi oleh Dayang Lela binti Damit dan keluarga atas rasa bertanggungjawab serta bersifat prihatin dan pemedulian terhadap golongan daif dengan tujuan untuk memberi bantuan seberapa segera kepada Dayang Siti Marinah binti Abdullah dan anak-anaknya yang tinggal di rumah setinggan Kampung Jabang, Seria.

Dengan pantas CCEMS telah menghubungi pihak-pihak yang tertentu untuk mengambil tindak wajar atas kedaifan hidup yang Dayang Siti Marinah dan anak-anaknya, apa yang amat menyentuh apabila beliau memberitahu dengan linangan air mata bahawa anak-anaknya tidak pernah merasai kemeriah Aidil Fitri, beliau hanya pernah mendapat bantuan zakat beberapa tahun dulu berupa sejumlah wang namun setelah itu beliau tidak pernah lagi menerima bantuan serupa sehingga kini, Dayang Siti Marinah telah memeluk agama Islam pada 7 March 2001, anak-anak beliau berumur di antara 12 tahun hingga empat tahun, sementara yang bungsu dipelihara oleh orang lain.

Beberapa ahli CCEMS dan beberapa pihak tertentu telah mengunjungi kediaman Dayang Siti Marinah dan anak-anak bersama orang-orang perseorangan untuk menghantar bantuan berupa makanan memandang tempat tinggal mereka langsung tidak mendapat keperluan yang sempurna, sumbangan itu segera diagihkan kepada beliau dan anak-anak, dengan harapan bantuan tersebut mampu meringankan beban mereka buat sementara.

Dua orang dari anak beliau sudah bersekolah, anaknya yang pertama bersekolah di Maktab Anthony Abell dan menduduki kelas Tahun 7, sementara seorang lagi bersekolah di Sekolah Muhammad Alam Seria, sementara itu, Pengarah CCEMS memberitahu "pihak kami telah menghubungi pihak tertentu sebagai salah satu jalan untuk menyelamatkan keadaan mereka dengan seberapa segera".

CCEMS berasa Dayang Siti Marinah dan anak-anak harus dipindahkan ke rumah yang bersih, selamat lagi selesa demi menjaga pembelajaran, keselamatan dan

kesihatan mereka. Bantuan bimbingan serta didikan agama juga sangat perlu dibuat dengan segera memandangkan beliau seorang muallaf yang tercicir dan anak-anaknya tidak seorang pun bersekolah agama, ini untuk memastikan agar akidah dan iman mereka tetap akan kental utuh. Sementara itu bantuan sara hidup juga perlu diambil perhatian oleh pihak berwajib memandangkan Dayang Siti Marinah tidak mempunyai sebarang pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga.

CCEMS telah memaklumkan perkara ini kepada Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Haji Linap, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Daerah Belait, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) Daerah Belait serta sukarelawan JAPEM yang sama-sama turun padang untuk membantu meringankan beban keluarga muallaf yang daif ini.

CCEMS juga menyeru kepada

'Dermawan Berhati Emas' agar dapat sama-sama menghulurkan apa jua bentuk bantuan yang sesuai terutama sekali makanan asasi, pakaian, permainan, buku-buku sekolah dan apa jua yang boleh menghiburkan dan meringankan beban hidup mereka, jika sekiranya kita tidak mampu membantu dari segala segi bantulah mereka melalui doa ikhlas mohon agar Allah memberi rahmat untuk ringankan beban hidup yang mereka tanggung sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru agar rakyat dan penduduk, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajan (NGO's), sektor-sektor swasta dan pihak-pihak individu dalam sama-sama membantu dalam memakmurkan dan mensejahterakan negara, agar kita dapat sama-sama menikmati hidup dengan aman lagi harmoni, sementara itu orang ramai yang berminat untuk menyertai CCEMS adalah dialu-alukan dalam sama-sama membuat kerja-kerja amal dengan redha Allah.

## HALUAN

Dari muka 2

Bagi kumpulan jururawat baru berkhidmat saya ingin menyarankan hendaklah menggunakan dengan sebaik-baiknya peluang untuk mempelajari dan menimba pengetahuan dengan sepenuhnya dalam profesion kejururawatan dan bidang yang ada kaitannya dengan tugas masing-masing hinggalah dapat mencapai tahap kualiti yang tinggi, berkepakaran dan berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Ini adalah kerana bidang Jururawat mempunyai perkembangan kerjaya (*career development*) sehingga peringkat kepakaran iaitu sebagai *nurse practitioners* seperti yang diperkenalkan dalam Skim Perkhidmatan Kejururawatan baru yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kita mahu profesional jururawat di negara kita akan terus maju iaya dengan meraih kecemerlangan dan mampu berdaya saing setaraf dengan profesion jururawat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Seterusnya saya ingin mengingatkan kepada semua jururawat mengenai pentingnya untuk berterusan menyerapkan dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja dalam profesion kejururawatan sebagai nilai tambah dalam meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan, di samping mengeratkan lagi hubungan yang baik dan persefahaman di antara profesion kesihatan dengan pesakit dan orang ramai serta memperkukuhkan lagi kesempurnaan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara menyeluruh. Code of Ethics, Code of Professional Conduct dan Standard of Practice for Registered Nurses and Midwives in Brunei Darussalam jika diteliti dengan terperinci sebenarnya memang sebahagiannya sudah terkandung ciri-ciri dan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang mencerminkan identiti kebruneian khususnya mengamalkan nilai luhur budaya Melayu yang terpuji dan berteraskan Islam, yang meliputi mentaati dan menghormati raja, ibu bapa, orang tua, guru ulama, pemimpin dan hormat menghormati antara satu sama lain, di

## Jururawat profesion sangat mulia, terpuji dan berintegriti

samping mempunyai akhlak yang mulia, bersopan santun, awar galat, tolong-menolong, bermuafakat, bekerja keras, berdisiplin dan penuh dedikasi.

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh juiur dan amanah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah amal dan ibadah. Sebagai umat Islam kelebihan-kelebihan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah digunakan seperti mengamalkan bacaan Al-Qur'an dan doa-doa bagi memohon taufik, hidayah, petunjuk dan kemudahan dalam membuat sesuatu pekerjaan atau tugas apatah lagi dalam kita memberikan layanan dan rawatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.

Dalam pada itu, apa yang juga saya ingin sarankan ialah mengenai kerjasama dan dukungan orang awam termasuk pesakit dan ahli-ahli keluarga yang sangat diperlukan dan amat penting bagi memudahkan profesion kesihatan baik para jururawat, doktor-doktor dan juga *allied health professional* lain akan dapat menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka dengan sempurna serta mengikut Standard Operating Procedures yang telah ditetapkan. Kementerian Kesihatan dengan keseluruhan profesion kesihatan memang berterusan memberikan keutamaan kepada perkhidmatan, penjagaan dan pemedulian kesihatan serta kesejahteraan pesakit dan perkara ini sentiasa dititik beratkan dan terus diperingati iaitu selaras dengan kod tatasusila dan etika amalan profesional kesihatan yang dikuatkuasakan.

Antara perkara yang perlu diambil perhatian berat, difahami dan diberi kerjasama sepenuhnya ialah seperti peraturan melawat pesakit di hospital-hospital termasuk waktu-waktu melawat seperti yang telah ditetapkan. Begitu juga mengenai ancaman kekerasan fizikal dan kekasaran lisan yang dihadapi oleh segelintir profesion kesihatan semasa bertugas. Perkara sedemikian adalah sangat tidak wajar dilakukan dan hendaklah dihindarkan kerana bukan sahaja mengganggu profesional

kesihatan dalam melaksanakan prosedur-prosedur rawatan dan tugas-tugas mereka malahan ini adalah juga menimbulkan risiko yang tidak diingini dan mengancam keselamatan, di samping mengganggu ketenteraman persekitaran kerja. Pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya berasaskan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini kepada sesiapa sahaja yang berbuat perkara-perkara yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan. Apa yang sangat-sangat saya harapkan dan hargai ialah bagi orang awam termasuk pesakit dan ahli-ahli keluarga akan memberikan perhatian berat dan kerjasama erat dengan profesion kesihatan serta pegawai dan kakitangan yang bertugas sama ada di hospital-hospital, pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan iaitu dengan memahami tugas-tugas profesion kesihatan bagi memudahkan urusan pemeriksaan, rawatan, pemulihan, peniagaan dan apa jua yang diperlukan oleh pesakit dapat dijalankan dengan lebih lancar dan sebaik-baiknya. Dalam pada itu, kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga apa jua urusan dapat dipermudahkan dan mendapat keberkatan dan pertolongan-Nya jua.

Akhirnya saya berharap Kursus Orientasi Bagi Jururawat dan Bidan Yang Baru Berkhidmat Di Kementerian ini akan diteruskan dan juga dipertingkatkan lagi sebagai wadah yang berguna bagi memupuk kerjasama dan setia kawan serta kerja berpasukan. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas dalam menjayakan kursus orientasi ini akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Saya juga berdoa semoga para jururawat dan bidan yang baru bertugas akan dapat sama-sama mencurahkan khidmat bakti dengan penuh dedikasi dan menunjukkan profesionalisme tinggi serta memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi kita sama-sama memperkukuhkan lagi kualiti penjagaan kesihatan di negara ini demi untuk kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

# Penandatanganan Kontrak bagi menaik taraf kapasiti air

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) di Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Haji Suhaimi bin Haji Gafar hadir selaku tetamu kehormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak Bagi Projek-Projek bersama beberapa buah syarikat swasta di negara ini, bertempat di Ibu Pejabat JKR, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) di Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Projek-projek yang ditandatangani adalah bagi menaik taraf kapasiti air bagi Empangan Mengkubau, Skim Pencegahan Banjir Subok-Belimbing Peringkat 4, Pembinaan Tangki Simpanan Air di Kampung Sungai Hanching dan mempertingkatkan keupayaan loji-loji rawatan dan sistem pembekalan air, membekal dan memasang mekanikal 'Sludge

Scrapper' bagi Kolam Penjernih di Stg. 5 Loji Rawatan Air Bukit Barun.

Hadir bagi menandatangani kontrak tersebut mewakili JKR ialah Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Air, Lim Sui Kau Alice dan Pemangku Pengarah Jabatan Saliran dan Pemetungan, Dr. Norimtihan bin Haji Abdul Razak.

Antara syarikat-syarikat yang mengendalikan projek-projek berkenaan ialah Swee Sendirian Berhad dengan harga kontrak sebanyak BND12,882,632.90 tempoh selama 24 bulan bagi menaik taraf kapasiti air bagi Empangan Mengkubau.

Projek bagi Skim Pencegahan Banjir Subok-Belimbing Peringkat 4 dikendalikan oleh Chung Hsing Construction Sendirian Berhad dengan harga kontrak BND6,613,000 tempoh

selama 24 bulan.

Manakala projek bagi Pembinaan Tangki Simpanan Air di Kampung Sungai Hanching dikendalikan oleh Syarikat Saribu Sendirian Berhad dengan harga kontrak sebanyak BND1,847,380 tempoh selama 18 bulan dan projek bagi mempertingkatkan keupayaan loji-loji rawatan dan sistem pembekalan air, membekal dan memasang mekanikal 'Sludge Scrapper' bagi Kolam Penjernih di Stg. 5 Loji Rawatan Air Bukit Barun juga akan dikendalikan oleh Syarikat Saribu Sendirian Berhad dengan harga kontrak BND1,057,220 tempoh selama 18 bulan.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat berpeluang menyaksikan pameran mini yang berkaitan dengan projek-projek yang bakal dijalankan.

## PKT UNISSA sambut ulang tahun ke-5

BERAKAS, Sabtu, 19 April. - Pasukan Kadet Tentera Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PKT UNISSA) semalam mengadakan Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Penubuhan PKT UNISSA Ke-5 Tahun yang berlangsung di The Airport Restaurant.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pegawai Memerintah Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 346 Mejar Pengiran Haji Hamdiah bin Pengiran Haji Hasim.

Majlis yang merupakan acara tahunan PKT UNISSA itu bertujuan untuk meraikan hari ulang tahun tertubuhnya PKT UNISSA dan mengeratkan silaturahim sesama ahli kadet, guru-guru pengawas dan para jurulatih, sekali gus menghargai sumbangan ahli kadet yang bertungkus-lumus dalam menjayakan

aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh PKT UNISSA sendiri.

Turut hadir ialah Pemangku Rektor UNISSA, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan UNISSA, pegawai-pegawai kanan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) dan guru-guru pengawas PKT serta ahli-ahli PKT UNISSA.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Penubuhan PKT UNISSA Ke-5 dan kenaikan pangkat bagi ahli-ahli kadet.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video 'Fear Factor' dan cabutan nama bertuah serta anugerah pakaian terbaik.



PASUKAN Kadet Tentera (PKT) Universiti Islam Sultan Sharif Ali mengadakan Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Penubuhan PKT UNISSA Ke-5 Tahun.

## Ahli PBSM perlu mempunyai komitmen, kesabaran

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 19 April. - Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Cawangan Daerah Tutong telah mengadakan Malam Gala Penghargaan persatuan berkenaan buat julung kalinya bertempat di Dewan Kemasyarakatan Seremban, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menyatakan adalah difahami tugas yang diamanahkan kepada ahli-ahli persatuan bukanlah mudah kerana sebagai seorang ahli persatuan hendaklah mempunyai komitmen, kesabaran dan pengetahuan yang tinggi apatah lagi jika dalam keadaan-keadaan tertentu yang melibatkan bantuan dan menyelamat nyawa seseorang.

"Malam Gala tersebut amat sesuai diadakan lebih-lebih

lagi dalam konteks sesebuah pertubuhan dan persatuan untuk mengumpulkan semula kesemua ahli-ahli yang ada sejak penubuhan PBSM di Daerah Tutong dan menghargai jasa serta sumbangan yang pernah dihulurkan dan disumbangkan oleh pegawai-pegawai dan kadet-kadet demi mengaktifkan, meningkatkan dan memajukan persatuan berkenaan," ujarnya.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil kenaikan dan pentauliahian pangkat ahli Sekretariat dan Kadet-Kadet PBSM Cawangan Daerah Tutong 2014, penyampaian anugerah-anugerah penghargaan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan penyampaian Anugerah Khas Pegawai PBSM.

Acara seumpama ini, tidak syak lagi menggambarkan adanya jalinan kerjasama pihak persatuan dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGOs serta sebagai aktiviti anjuran persatuan untuk bergiat dengan lebih aktif juga menghargai sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan setelah bergiat lama dalam persatuan.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali hadir selaku tetamu kehormat.

## Penyerahan Surat beralamat Kg Sungai Kedayan 'A' & 'B' / Bukit Salat

BERIKUTAN projek perluasan kawasan Bandar Seri Begawan (BSB) ke Kampung Ayer dan pemindahan penduduk berkenaan ke darat, Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan bahawa semua persuratan yang dialamatkan ke kawasan tersebut masih lagi ditempatkan di Pejabat Besar Pos, BSB.

Mereka yang ingin mendapatkan surat-surat tersebut boleh datang ke Penyerahan Tingkap, Unit Penyerahan Pejabat Besar Pos, BSB pada hari dan waktu bekerja dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Di sana mereka juga dikehendaki mengisi Borang Ubah Hala (disertakan) bagi membolehkan surat-surat mereka dihantar ke alamat baru.

## Lencongan jalan dibuka kepada pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan bahawa lencongan jalan di Jalan Pengiran Babu Raja akan dibukakan bagi pengguna-pengguna jalan raya di kawasan berkenaan pada 20 April 2014, pukul 8.00 pagi dan akan dibuka selama 1 tahun (April 2015).

Lencongan jalan tersebut adalah untuk memberi laluan kepada pihak kontraktor melaksanakan kerja-kerja pemasangan cerucuk (piling) bagi pembinaan 'abutment' jejambatan di persimpangan Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jalan Pengiran Babu Raja.

Lencongan tersebut mempunyai dua lorong dua hala dan ia adalah bagi perjalanan lalu lintas di antara kawasan Beribi yang hendak menuju ke Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan sebaliknya.

Pihak JKR juga mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya untuk memandu dengan berhati-hati apabila menggunakan jalan lencongan berkenaan serta mematuhi papan-papan tanda yang disediakan.

Bagi sebarang aduan ataupun pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam melalui Hotline 123 dan menghantar e-mel ke [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).

# Jangkitan Hepatitis 'B' berjaya dikawal



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** pada perutusan sempena Menyambut Minggu Imunisasi Serantau 2014.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam

menyertai negara-negara lain dalam menyambut Minggu Imunisasi Serantau (MIS) 2014 yang bermula dari 21 hingga 27 April 2014.

Tujuan MIS 2014 itu adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan individu, keluarga dan masyarakat amnya untuk mengambil perhatian dalam membantu mengurangkan beban global penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui imunisasi.

Pada tahun ini rantau Pasifik Barat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema 'Hentikan Hepatitis 'B' dan Kanser Hati. Suntik Semasa Lahir'.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dalam perutusannya sempena

menyambut MIS 2014.

Yang Berhormat menambah, Hepatitis 'B' merupakan satu infeksi viral yang menyerang organ hati dan menyebabkan penyakit-penyakit akut dan kronik.

Virus tersebut, terang Yang Berhormat merebak melalui pertukaran darah atau cecair daripada orang-orang yang dijangkiti.

Kanak-kanak yang berumur di bawah enam tahun yang dijangkiti dengan virus Hepatitis 'B', tambah Menteri Kesihatan adalah golongan yang paling berisiko untuk mendapat jangkitan kronik.

"Imunisasi terhadap Hepatitis 'B' bersama dengan imunisasi terhadap Measles, Mumps, Rubella, Diphtheria, Haemophilus Influenza 'B', Pertusis, Polio, Tuberculosis dan Tetanus diberikan kepada kanak-kanak mengikut jadual dalam Program Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam yang telah bermula semenjak tahun 1950-an dan seterusnya diperluaskan dan dimantapkan dari semasa ke semasa.

Sejak dua dekad kebelakangan ini, Program Imunisasi Kebangsaan telah mencapai liputan imunisasi yang tinggi, iaitu hampir 100 peratus dan ini dapat dibuktikan dengan kadar kematian anak damit yang rendah. Walaupun begitu, kita tidak seharusnya mengambil ringan dan leka, malah seterusnya berusaha dalam pemberian imunisasi dalam mengekalkan dan meningkatkan kadar peratus liputan imunisasi program kebangsaan," tambah Yang Berhormat.

Pada tahun 2011, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, ujar Yang Berhormat, telah melaksanakan kajian 'Hepatitis 'B' and Measles Immunity

Seroprevalence Survey' ke atas murid-murid Tahun 4 di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Kajian itu menunjukkan bahawa hanya 0.09 peratus murid-murid tersebut mempunyai jangkitan Hepatitis 'B'.

Yang Berhormat berkata, ini membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mencapai matlamat rantau Pasifik Barat iaitu jangkitan Hepatitis 'B' kurang daripada sasaran satu peratus pada tahun 2017.

"Brunei Darussalam telah pun berjaya dan diiktirafkan sebagai mencapai pengawalan jangkitan Hepatitis 'B' pada Jun 2013.

"Ini menunjukkan keberkesanan Program Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam pencegahan Hepatitis 'B' daripada dijangkiti dalam kalangan kanak-kanak semenjak Hepatitis 'B'

dimasukkan dalam program imunisasi pada tahun 1988," terang Yang Berhormat.

Menteri Kesihatan dalam perutusan tersebut menggesa semua kakitangan kesihatan bersama dengan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak supaya terus sama-sama terlibat berusaha untuk memastikan semua kanak-kanak di dalam tanggungan mereka menerima vaksinasi yang cukup serta melindungi kanak-kanak daripada penyakit-penyakit yang berjangkit dan serius.

"Kementerian Kesihatan sangat mengharapkan sokongan padu, berterusan dan penglibatan proaktif daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dan berkenaan untuk bersama-sama bertanggungjawab dan komited ke arah meningkatkan dan mengukuhkan lagi tahap kesihatan negara," tegas Menteri Kesihatan pada akhir perutusan berkenaan.

# Program 'Afiyah budayakan cara hidup sihat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menekankan kepentingan setiap warga Kementerian Kesihatan untuk mendisiplinkan diri serta berperanan aktif dan komited sepenuhnya dalam mengikuti program atau aktiviti-aktiviti yang dijadualkan.

Bagi mencapai kejayaan dan keberkesanan Program 'AFIAH, tegasnya, mereka juga perlu mengubah mindset untuk menghayati dan mengamalkan amalan cara hidup sihat secara berterusan.

Menurut Yang Berhormat, program yang julung-julung kali diunggakahkan itu adalah berpandukan pendekatan 'healthy settings' sebagaimana yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) bagi memperkasa warga Kementerian Kesihatan untuk membudayakan amalan cara hidup sihat di dalam dan di luar tempat kerja melalui kaedah yang lebih holistik.

"Intervensi bagi individu (warga Kementerian Kesihatan), termasuklah sesi pemeriksaan kesihatan serta penilaian kecergasan (fitness assessment) di awal dan akhir program, sesi taklimat/ pendidikan kesihatan, motivasi serta kaunseling berkumpulan dan sesi kegiatan fizikal dan aktiviti kesukanan secara berjadual dan teratur," jelas Yang Berhormat semasa melancarkan Program 'AFIAH Kementerian Kesihatan, pagi tadi, di Dewan Al-Afiyah kementerian berkenaan di sini.

Selain itu, tambahnya, intervensi bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif bagi amalan cara hidup sihat termasuklah antara lain penyediaan jamuan serta pemilihan

makanan dan minuman sihat, mengadakan tamu sihat setiap hujung minggu bagi menggalakkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran, penyediaan kemudahan-kemudahan asasi bagi melakukan kegiatan fizikal, dan menggalakkan penggunaan tangga lif.

Menurut Yang Berhormat, program seumpamanya sangat mendatangkan manfaat yang positif lagi signifikan dalam menyumbang untuk meningkatkan produktiviti, menambah keyakinan dan keupayaan pekerja, mewujudkan suasana harmoni dan kerjasama, meningkatkan kreativiti, menerapkan tingkah laku yang sihat serta meningkatkan prestasi kerja yang lebih baik dan mengurangkan ketidakhadiran.

Jelasnya, ini sekali gus mengurangkan kos dan bebanan rawatan penyakit kronik kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus mampu menyumbang kepada

pembangunan sosioekonomi negara yang lebih mampan dan 'sustainable'.

Program enam bulan yang dijangka akan berakhir pada bulan Oktober 2014 itu nanti disertai oleh lebih 500 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang bertugas di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan termasuk Pusat Promosi Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Sainifik dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar.

Sementara itu, Program Promosi Kesihatan Tempat kerja disediakan oleh sesebuah organisasi secara berterusan untuk memperbaiki atau mengekalkan kesihatan pekerjaannya.

Pendekatan ini adalah secara holistik melalui pendidikan kesihatan, latihan tertentu dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

Antara komponen yang terkandung dalam program berkenaan adalah seperti pemeriksaan kesihatan asasi, penilaian kecergasan, beberapa siri sesi taklimat kesihatan dan perkongsian maklumat mengenai amalan cara hidup

sihat seperti pemakanan sihat, kegiatan fizikal, berhenti merokok, kaedah pengurusan stres serta kesihatan dan keselamatan tempat kerja.

Selain itu perisian program termasuk pelbagai acara dan kegiatan fizikal seperti pertandingan futsal dan

bola jaring, di samping perkhidmatan sokongan dan pertandingan bagi mereka yang ingin berhenti merokok dan Hari Tamu Sihat (Healthy Market Day) bagi menggalakkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof** semasa meninjau aktiviti Program 'Afiyah Kementerian Kesihatan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 April. - Tidak ada kes jangkitan 'Middle East Respiratory Coronavirus' (MERS-CoV) di Negara Brunei Darussalam, bagaimanapun Kementerian Kesihatan akan terus mengikuti perkembangan semasa dan memantau keadaan jangkitan ini berdasarkan garis pandu antarabangsa dan maklumat terbaru yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kementerian Kesihatan memaklumkan perkara itu dalam satu siaran akhbar berikutan laporan berita mengenai satu kes jangkitan MERS-CoV di sebuah negara jiran baru-baru ini.

Jangkitan MERS-CoV yang sebelum ini dikenali sebagai novel coronavirus (nCoV) adalah sejenis jangkitan coronavirus yang mula dilaporkan oleh WHO pada 2012.

Ia boleh menyebabkan tanda-tanda penyakit yang menyerupai demam selesema biasa seperti Demam panas

(38°C atau lebih), batuk dan sesak atau kesukaran bernafas.

Pada waktu ini, belum ada lagi rawatan khusus ataupun vaksin untuk mencegah jangkitan ini dan sehingga 22 April 2014, pihak WHO telah melaporkan sebanyak 253 kes jangkitan MERS-CoV termasuk 93 kematian di seluruh dunia.

Semua kes ini telah disahkan melalui ujian makmal dan hampir semua kes tersebut berlaku di rantau Timur Tengah atau mempunyai kaitan dengan perjalanan ke Timur Tengah.

Kementerian Kesihatan juga mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dan berwaspada seperti berikut iaitu berwaspada terhadap kes-kes jangkitan respiratori terutamanya dalam kalangan mereka yang telah melakukan perjalanan khususnya ke Timur Tengah.

Di samping itu, kementerian berkenaan juga membuat pemantauan bagi penyakit respiratori teruk (*severe acute respiratory illness*), berupaya menyediakan ujian makmal di

## Berwaspada terhadap jangkitan MERS-CoV

Negara Brunei Darussalam bagi memudahkan pengesanan dan pengesanan jangkitan dan menyediakan keperluan rawatan termasuk ubat-ubatan jika sebarang kes jangkitan di kesan di negara ini.

Selain itu, orang ramai terutama mereka yang melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri dengan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi menghindarkan jangkitan kuman, seperti mengamalkan mencuci tangan dengan menggunakan cecair pembersih tangan (*hand sanitiser*) atau dengan sabun dan air yang bersih terutama sekali selepas menggunakan tandas, sebelum makan dan ketika menyediakan makanan.

Orang ramai juga disaran supaya menutup mulut dengan tisu apabila batuk atau bersin serta mengelakkan daripada menyentuh mata, hidung dan mulut kerana ia boleh

menyebabkan penularan kuman, mengelakkan daripada mendampingi orang-orang yang dijangkiti demam selesema dan mengelakkan daripada mengunjungi ladang haiwan atau mendekati haiwan liar atau yang sakit sekiranya mempunyai penyakit-penyakit kronik.

Kementerian Kesihatan juga menasihati bakal-bakal jemaah umrah dan sesiapa yang akan mengunjungi Negara-negara di rantau Timur Tengah untuk mengambil langkah-langkah berikut untuk mendapatkan suntikan vaksin influenza dan meningitis sekurang-kurangnya dua minggu sebelum melakukan perjalanan.

Selain itu, elakkan daripada mengunjungi pasar atau ladang haiwan apabila berada di negara-negara yang terjejas dan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan doktor dengan segera sekiranya terdapat

tanda-tanda demam dan batuk sama ada semasa berada di luar negeri atau dalam tempoh masa 14 hari selepas melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas.

Setakat ini, pihak WHO tidak ada mengeluarkan sebarang larangan perjalanan ke negara-negara yang terlibat.

Kementerian Kesihatan akan terus membuat pemantauan terhadap situasi jangkitan ini dan akan memaklumkan sebarang perkembangan kepada orang ramai dari semasa ke semasa, jika diperlukan.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai jangkitan MERS-CoV, orang ramai boleh melayari laman sesawang ([website](http://www.moh.gov.bn)) Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Healthline Kementerian Kesihatan di talian 145 atau e-mel kepada [env.health@moh.gov.bn](mailto:env.health@moh.gov.bn).

## Pembinaan rumah baru untuk Norlailawati dan keluarga

BERAKAS, Sabtu, 19 April.- Nasib Dayang Norlailawati binti Mohamed, 27 tahun, yang mendiami rumah usang sedikit masa lagi akan terbelas dengan terbinanya rumah baru untuk beliau.

Majlis mendirikan tiang sari rumah baru miliknya berlangsung petang tadi di Simpang 49, Jalan Pulaie, Kampung Orang Kaya Besar Imas, di sini.

Pembinaan rumah itu adalah atas usahasama dan bersepadu Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) bagi meringankan beban kepada si penerima.

Rumah bantuan jenis banglo (konkrit) dianggarkan berharga BND53, 380 mempunyai empat bilik tidur, sebuah bilik tamu, satu ruang makan, tandas, bilik mandi dan dapur.

Perbelanjaan pembinaa rumah ditanggung sepenuhnya melalui peruntukan bantuan Kumpulan Wang Zakat MUIB, sementara JDBM sebagai penyelaras pembinaan rumah.

Kerja pembinaan rumah dijalan oleh Syarikat Fujael

& Farhan Sendirian Berhad yang termasuk penyambungan dan pendawaian elektrik, meter air, kerja memotong dan membuang pokok serta kerja-kerja tanah.

Dayang Norlailawati tidak bekerja, manakala suaminya Awang Bakir bin Haji Lingas, 35 tahun, tidak mempunyai pekerjaan tetap hanya secara nelayan biasa, mereka mempunyai enam orang anak, empat masih bersekolah (tiga orang sekolah rendah dan seorang sekolah menengah) dan dua belum bersekolah.

Pada masa sekarang beliau bersama keluarga tinggal menumpang bersama abangnya di Kampung Sungai Besar, sebuah rumah yang tidak selamat ditinggali, manakala bayaran api elektrik dan bil air dibayar oleh abangnya.

Hadir petang tadi menuangkan konkrit ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, juga hadir ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin serta beberapa orang pegawai dari MUIB dan JDBM.

## Muhd Taufiq bawa pulang Jaguar XF



PEMENANG hadiah utama Kempen BIBD Barakah 5, Muhd. Taufiq bin Haji Md. Jaafar menerima sebuah Kereta mewah Jaguar XF.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 April. - Terkejut dan gembira yang tidak terhingga dapat dilihat dari raut wajah Muhd. Taufiq bin Haji Md. Jaafar setelah diumumkan sebagai pemenang hadiah utama pada Kempen Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) 5.

Pada majlis yang berlangsung di Atrium Mall, Gadong itu, kunci kedua yang beliau pilih membawa tuah kepadanya apabila memilih kunci sebenar kepada hadiah utama kempen tersebut iaitu sebuah kereta mewah Jaguar XF.

Sementara itu, 19 lagi penerima lain turut menerima hadiah masing-masing yang disediakan sempena Kempen BIBD Barakah 5 itu.

Pemenang hadiah kedua yang membawa pulang pakej produk Apple yang dimenangi oleh Lailatul Aini binti Abdul Rahman, manakala Mohammad Zaizul bin Awang Daud berjaya membawa pulang hadiah tempat ketiga berupa pakej produk Samsung.

Hadiah keempat berupa Samsung Home Theatre pula dimenangi oleh Hajah Aidah Redha Hayati binti Md.

Noh, sementara hadiah kelima iaitu 3,000 Royal Skies Miles dimenangi oleh Pengiran Haji Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Bahar.

Sementara itu, pemenang tempat kelima hingga kesepuluh masing-masing membawa pulang hadiah berupa telefon pintar Iphone 5S dan sepuluh lagi pemenang sagu hati masing-masing membawa pulang iPad Mini.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Kewangan BIBD, Hajah Noraini binti Haji Sulaiman.

Kempen BIBD Barakah 5 telah bermula dari 1 Disember 2013 sehingga 31 Mac 2014 dan terbuka kepada semua pelanggan BIBD yang baru dan sedia ada yang mendaftarkan untuk pinjaman dan produk deposit BIBD termasuk Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Pembaikan Rumah, Pembiayaan Pendidikan, Kemudahan Naqad, Wakalah Am dan akaun mata wang asing (akaun semasa dan akaun simpanan).

Kempen itu juga dibukakan kepada pelanggan yang telah menyimpan gaji mereka di BIBD semasa tempoh promosi.

## 21 pengakap remaja ikuti kursus kepimpinan



AHLI Pengakap Remaja (Venture Scout) dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam semasa mengikuti Kursus Kepimpinan Pengakap Remaja kali ke-6, di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 April. - Mendalami ilmu kepimpinan secara berterusan menjadi teras paling utama untuk memajukan diri setiap individu yang bergiat di dalam pergerakan kesukarelawanan.

Seramai 21 ahli Pengakap Remaja (Venture Scout) dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam mengikuti Kursus Kepimpinan Pengakap Remaja kali ke 6, di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong.

Kursus yang dijalankan dengan

kerjasama Bahagian Pasukan Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Bahagian Pengakap Remaja, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam itu diadakan selama tiga hari.

Peserta kursus didedahkan kepada tanggungjawab serta peranan yang perlu mereka lakukan semasa menjalankan tugas sebagai Pengakap Remaja.

Mereka terdiri ahli Pengakap Remaja Tahun 9 Ekspres dan tahun 10

dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Lambak Kanan, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri, Sekolah Menengah Masin, Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Sekolah Menengah Chung Hwa,

Bandar Seri Begawan, Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, dan Pusat Bahagia Pulaie, Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Kursus tersebut diketuai oleh Pesuruhjaya Latihan, Awang Junaidi bin Haji Hussin dan dibantu oleh Pemimpin-Pemimpin Pasukan Pengakap Remaja yang memberikan penerangan secara teori mengenai peranan mereka sebagai Pengakap Remaja serta laluan yang perlu mereka jalani sebelum dicalonkan untuk menerima anugerah Lencana Pengakap Sultan (Sultan Scout award).

Selain daripada kegiatan latihan dan teori mengenai ilmu Pengakap, para peserta turut diberikan latihan praktikal seperti pertolongan cemas, ikatan dan simpulan dan membuat model projek perintis.

## KDNK Q4 2014 mencatatkan penurunan 5.3 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Dalam tempoh suku keempat 2013 (Q4 2013), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Negara Brunei Darussalam pada harga semasa dianggarkan berjumlah BND5,287.9 juta berbanding BND4,657.3 juta pada Q3 2013. Bagi keseluruhan tahun 2013, KDNK dianggarkan berjumlah BND20,157.7 juta pada harga semasa berbanding BND21,185.1 juta pada tahun 2012.

Dari segi pertumbuhan KDNK pada harga tetap, Q4 2014 mencatatkan penurunan sebanyak 5.3 peratus tahun-ke-tahun (y-o-y). Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 16.7 peratus (y-o-y). Manakala, Sektor Minyak dan Gas telah meningkat sebanyak 3.3 peratus (y-o-y).

Bagi keseluruhan tahun 2013, KDNK pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus (y-o-y). Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 7.2 peratus (y-o-y). Walau bagaimanapun, Sektor Bukan Minyak dan Gas meningkat sebanyak

2.7 peratus (y-o-y).

Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan pada Q4 2012 telah menurun sebanyak 11.3 peratus (y-o-y) disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran bagi Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Pertanian lain sebanyak 42.4 peratus (y-o-y) dan Perikanan 1.2 peratus (y-o-y).

Sektor Industri pada Q4 2013 menurun sebanyak 13.8 peratus (y-o-y) selepas penurunan sebanyak 9.7 peratus (y-o-y) pada Q3 2013. Ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan negatif bagi sektor Perlombongan sebanyak 21.4 peratus (y-o-y) dan Pembuatan 1.1 peratus (y-o-y). Manakala, sektor Pembinaan meningkat sebanyak 7.5 peratus (y-o-y) diikuti oleh Elektrik dan Air sebanyak 2.6 peratus (y-o-y).

Sektor Perkhidmatan terus berkembang sebanyak 3.2 peratus (y-o-y), selepas pertumbuhan 2.4 peratus (y-o-y) pada Q3 2013. Perdagangan dan Perkhidmatan Kerajaan, kedua-duanya mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 3.8 peratus (y-o-y), diikuti oleh

Pengangkutan dan Perhubungan 3.4 peratus (y-o-y), Kewangan 3.3 peratus (y-o-y), Hartanah dan Pemilihan Tempat Kediaman 2.0 peratus (y-o-y) dan Perkhidmatan Persendirian 1.1 peratus (y-o-y).

Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah disebabkan oleh Eksport Barangan dan Perkhidmatan yang mencatatkan penurunan sebanyak 20.6 peratus (y-o-y). Manakala, Pembentukan Modal mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 8.3 peratus (y-o-y), diikuti oleh Import Barangan dan Perkhidmatan 4.1 peratus (y-o-y), Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan 3.2 peratus (y-o-y) dan Perbelanjaan Penggunaan Persendirian 3.0 peratus (y-o-y).

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q4 2013 boleh didapati melalui laman web JPKE : [www.dep.gov.bn](http://www.dep.gov.bn).



AHLI Pengakap Remaja (Venture Scout) dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam semasa mengikuti Kursus Kepimpinan Pengakap Remaja kali ke-6, di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong.

# Cahaya Islam tambat hati anggota ABDB



**TETAMU** Kehormat Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd Tawih bin Abdullah menabur bunga rampai dengan laungan Dikir Marhaban bagi menyambut saudara baru Muhammad Hadi Mirza bin Abdullah Jilin.

Oleh : Abdullah Asgar  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Jumaat 18 April. - Bilangan saudara baru di negara ini terus bertambah memandangkan syiar Islam semakin berkembang sambil berupaya menarik minat pada mereka yang belum beragama Islam.

Seorang Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislaman iaitu 19619 Soldadu Azlan bin Jilin di No.13, Simpang 1185-73-76, Perpindahan Bukit Beruang Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral

Dato Seri Pahlawan Mohd Tawih bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Qur'an oleh 16982 Koperal Harun Al-Rasyid bin Haji Muhammad Hussain. Pengakuan lafaz dan ikrar pengislaman dilaksanakan di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Tutong.

Laungan Dikir Marhaban serta taburan bunga rampai oleh tetamu kehormat majlis serta para jemputan memeriahkan lagi majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati oleh Pemerintah ABDB kepada yang diraikan dan bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Pegawai dari Jabatan Agama ABDB, Leftenan Narulismandy bin

Haji Samaih.

Nama Islam yang beliau pilih ialah Muhammad Hadi Mirza bin Abdullah Jilin dan beliau bertugas sebagai Anggota Polis Rejimen di Batalion Pertama TDDB.

Mengikut rangka statistik, ini merupakan Majlis Pengislaman yang ketiga bagi anggota ABDB bagi tahun 2014.

Turut hadir menyerikan majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, Pegawai Daerah Tutong, Pegawai-Pegawai Kanan ABDB dan Awam dan para jemputan serta kaum keluarga.

Semoga dengan adanya majlis ini akan dapat menyebarkan lagi syiar Islam dan menyerlahkan lagi cahaya keimanan khususnya di kalangan warga ABDB.

# Wanita Filipina lafazkan dua kalimah syahadah

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Masri Osman



**HADIR** selaku tetamu kehormat ialah isteri Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datin Hajah Rosnah binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Johari selaku Wakil Peribadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

**GADONG**, Sabtu, 19 April. - Seramai 538 orang memeluk agama Islam di seluruh negara, dan dari jumlah tersebut, seramai 94 orang dicatatkan memeluk agama Islam bagi Daerah Brunei dan Muara sejak 1 Januari 2014 hingga 31 Mac 2014.

Sehubungan itu, seorang perempuan berbangsa Filipina, Odysa Miranda Marino telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya sebagai pegangan hidupnya.

Majlis Pengislaman Odysa Miranda Marino yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nurhidayah Farrah binti Abdullah disaksikan oleh pegawai-pegawai daripada Unit Pengislaman, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian

Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini ialah isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Rosnah binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Johari, selaku Wakil Peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Suci Al-Qur'an yang dibacakan oleh Pensyarah Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Muhammad Mattia Mahmood Al-Kabbani.

Sejurus pengislaman itu, Dayang Nurhidayah Farrah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi hidayah serta dibukakan naluri hatinya untuk memeluk agama Islam yang suci itu.

"Agama Islam merupakan agama yang banyak keistimewaan dan saya berhasrat untuk mempelajari tentang Islam terutama dalam kewajipan Rukun Islam seperti sembahyang lima waktu, puasa dan sebagainya," tegasnya yang baru sembilan bulan bekerja di negara ini.

Majlis itu juga turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

# Wanita Indonesia memeluk Islam

Oleh : Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BELIMBING SUBOK**, Ahad, 20 April. - Agama Islam di Negara Brunei Darussalam terus berkembang pesat dan ianya terbukti dengan peningkatan jumlah penganutnya daripada berbilang bangsa dan warganegara.

Pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Belimbing Subok, Mukim Kota Batu, di sini seorang wanita berbangsa Indonesia yang dikenali sebagai Winarti melafazkan ikrar islamnya di hadapan para pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman tersebut ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Naim bin Haji Kamis.

Winarti yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Siti Syazwina binti Abdullah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan hidayah serta dibukakan hatinya untuk memeluk agama Islam yang suci itu.

Beliau yang berumur 34 tahun, bekerja di salah sebuah restoran di Muara dan sudah berada di negara ini hampir enam bulan.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh pendikir masjid berkenaan dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.



**ODYSSA** Miranda Marino semasa melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya dan kini dikenali dengan nama islamnya sebagai Dayang Nurhidayah Farrah binti Abdullah.



**DAYANG** Siti Syazwina binti Abdullah, 34 tahun melafazkan dua kalimah syahadat di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

# سرداه سروي

## قلقسنان اوندغ ۲ جنايه شرعيه

دخصوصكن اتوق اورغ ۲ ترنتو، منودوه اورغ اسلام سباكي كافر،  
مغھينا اتو ميبين اكام اسلام دندغ هينا دان لاین ۲ لاكي.

والوفون حكومن اوندغ ۲ جنايه دندغ كرس، اكن تئائي سبترن  
مغھياري حكومه ترسمبويي دان مصلحه يغ ترنتو، ائاران:

- دافة ملبسيكن مساله كهيدوفن مشاركة دغن منكنن مصلحه دان  
مغھيندركن مضرة.

- حق دان مصلحه مغسا ترچاك.

- دمغيبغ مغحكوم اورغيبغ برساله، اوندغ ۲ جنايه شرعيه جوك برتوجوان  
اتوق مندبديق ديري فساله دغن برکسن، مبرين فلواغ اتوق ميسالي

فربواتن دغن برتوبه اتوقون ميمتا معاف كغد مغسا اتو كلوارك مغسا  
اتو فون بردامي دغن مريك، مبرسيهكن ديري فساله دري دوسا سرت  
مبلامتنك دري عذاب آخرة.

- حكومن باكي كسالم ۲ دالم اوندغ ۲ ترسبوت دافة منيمبولكن فراسان  
تاكوت دان كرون كغد اورغ رامي دري ملاكوكن جنايه.

- دافة منورونكن قدر كيس جنايه دغن برکسن.

- مېومبغ كغد كستابلين، كحرمونين دان كامانن سوسيو فوليتيك نكارا.

- حكومه لاین لاكي اياله حكومه يغ ترسمبويي دلوار درغد جفكان اتو عقل  
مانسي يغ هان دكتهوي اوله الله سبحانه وتعالى.

مسلمين يغ درحمي الله،

سباكي اومه اسلام دان رعية دنكارا اين، اداله واجر كيت مېمبوت بايك  
فلقسنان اوندغ ۲ جنايه شرعيه دنكارا اين. سسغوهن فلقسنان ترسبوت  
مروفانك كجيان بسر باكي نكارا كيت ديدغ فراوندغن. سام له كيت  
بردعاء دغن ادان اوندغ ۲ اين، سموك راج، نكارا دان رعية سرت سلوروه  
نكارا كيت اكن درحمي دان دبركتي دنديا دان دآخرة. آمين يا رب العالمين.

{ سورة الأحزاب آية: ۳۶ }

تفسير:

دان تيدق بوله سام سكالباي باكي سسورغ لاكي ۲ دان فرمفوان يغ  
برلمان اقبيل الله دان رسولن منتفكن سسوات فرينته بهوا مريك مغھياري  
فيلين يغ لاین دالم اوروسن مريك. دان سسياف يغ مندرهكاي الله دان  
رسولن مك سسغوهن دي تله سست دغن كسستن يغ پات.

ساله ساتو كايستيموان سيستم فراوندغن جنايه اسلام اياله اوندغ ۲ اين  
بوكن اوندغ ۲ يغ ظالم دان تيدق برفریکمانسيان. ساله ساتو كومونون فتنيغ  
دالم سيستم فراوندغن اسلام اين اياله كونسيغ توبه، يلايت فساله منظاهيركن  
ككسلن دان كايصافن ترهادف جنايه يغ دلاكوكن. جك فساله مباتكن  
توبتن، اسلام مناوركن كغد مغسا فلواغ معافكن، جك دي ماهو، كران  
كعافن مروفانك لغكه فتنيغ دالم منجائي فردامين. سباكي جنتوه، دالم ساتو  
كجادين جنايه يغ دلاكوكن كغد سسورغ، يغ ميبينك كجدران فاره اتو  
فمبونون، مك حق معافكن ترلنق دتاشن مغسا اتو كلواركن. محكمه هان  
مروفانك تمغه اتوق منتونك سماء سسوات جنايه ايت تله دلاكوكن اتوقون  
تيدق، دان جك فرلو محكمه اكن منجاتوهكن حكومن ۲ يغ ستمفل. فرمان  
الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة آية ۱۷۸:

تفسير:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! دواجبكن كاتس كامو قصاص برکنان دغن  
اورغيبغ ماتي دبوته.

والوفون حكومن تله دنتفكن، اكن تئائي سلالون مغسا جنايه ايت  
دبري كواس اتوق معافكن. تنفا ادان كواس اتوق معافكن اين، سسويه  
سيستم اوندغ ۲ جنايه هان اكن برقوقسي اتوق منجاتوهكن حكومن  
كغد فجنهيه تنفا مبري فلواغ اتوق بردامي. ساله ساتو فرانن سيستم  
كعاديلن جنايه اسلام اياله اتوق مندوكوغ فرينسيغ كعاديلن سوشيال.  
تيدق اد ساتو فون سيستم فراوندغن دنديا اين يغ بكتيو مبلوروه دالم  
مراوت جنايه سباكي فياكيت سوشيال سلانن سيستم فراوندغن اسلام.

مسلمين يغ درحمي الله،

فرلو دكتهوي بهوا حكومن ۲ يغ بوله دكناكن دالم فراوندغن اين  
اياله:

فرتام: حد، حكومن اتو سيقسان يغ تله دنتفكن اوله القرعان اتو سنه رسول  
الله صلى الله عليه وسلم باكي كسالمن جوروي، رومقن، زنا، روكول،  
لواط، قذف، مينوم مينومن يغ مابوقن دان مرتد.

كدوا: قصاص، حكومن بالس باليق اتو حكومن يغ سروفبا باكي كسالمن  
قتل العمد ( ميمونه دغن شهج ) اتو ميبينك كجدران بدان كاتس  
سسورغ.

